



Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
Sabah.

---

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1988**

---

### **URUSAN PERTUKARAN PERKHIDMATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN GUNASAMA NEGERI SABAH YANG SEDANG BERKHIDMAT DI JABATAN-JABATAN PERSEKUTUAN DI SABAH KE DALAM PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN**

#### **1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan untuk mewujudkan integrasi sepenuhnya anggota perkhidmatan awam di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah selaras dengan perakuan dan hasrat yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan Tahun 1962 (Malaysia Report of The Intergovernmental Committee 1962) dan Laporan Jawatankuasa Penyatuan Tahun 1971 (Report of The Committee On Integration Of The Public Services In the Federal Departments In Sabah and Sarawak With The Federal Public Services).

1.2 Sehubungan dengan ini, Surat Pekeliling ini akan menerangkan kaedah dan tatacara pelaksanaan urusan pertukaran perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan. Urusan pertukaran perkhidmatan ini akan melibatkan semua anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang telah dilantik oleh pihak Negeri secara tetap/sementara/kontrak dan mengisi jawatan-jawatan tetap di Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah sebelum 1 April 1989. Mereka akan ditukar lantik ke Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Perkhidmatan Pendidikan mengikut gred hakiki dan taraf mereka sekarang.

#### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Untuk memenuhi hasrat kedua-dua Laporan tersebut di atas, satu perbincangan telah diadakan di antara Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sabah pada 15 September 1988. Dalam perbincangan tersebut, Y.A.B. Ketua Menteri Sabah telah bersetuju membenarkan Kerajaan Persekutuan membuat tawaran kepada semua anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang sedang berkhidmat di semua Jabatan Persekutuan di negeri tersebut membuat pilihan sendiri sama ada bersetuju untuk ditukar lantik dari Perkhidmatan Awam Negeri ke Perkhidmatan Awam Persekutuan atau pun tidak.

2.2 Berikutan dengan itu, Kerajaan Persekutuan bersetuju mempelawa semua anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang berkhidmat di semua Jabatan Persekutuan negeri tersebut memohon untuk dipertimbangkan supaya ditukar lantik ke Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada permohonan mereka itu diiterima dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

### **3. TAKRIF PERKHIDMATAN GUNASAMA NEGERI**

3.1 Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang dimaksudkan dalam Surat Pekeliling ini adalah berpandukan takrif yang digunakan dalam Laporan Jawatankuasa Penyatuan Tahun 1971 dan juga takrif yang dipakai dan yang diamalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri Sabah iaitu meliputi:

- (a) Perkhidmatan Pegawai Pentadbir.
- (b) Perkhidmatan Akauntan.
- (c) Perkhidmatan Pembantu Pentadbir.
- (d) Perkhidmatan Pegawai Kerja.
- (e) Perkhidmatan Pegawai Kerja Akaun.
- (f) Perkhidmatan Pegawai Kerani.
- (g) Perkhidmatan Jurutrengkas.
- (h) Perkhidmatan Pembantu Kerani.
- (i) Perkhidmatan Pegawai Kerani Rendah.
- (j) Perkhidmatan Kerani/Jurutaip.
- (k) Perkhidmatan Jurutaip.

### **4. PERTUKARAN PERKHIDMATAN**

4.1 Pertukaran Perkhidmatan yang dimaksudkan dalam Surat Pekeliling ini ialah pertukaran perkhidmatan anggota-anggota daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Perkhidmatan Pendidikan mengikut mana yang berkenaan seperti yang digariskan dalam [Lampiran "A"](#) kepada Surat Pekeliling ini. Penyelarasan tanggungaji bagi jawatan Jurutrenkas/Jurutaip (D12) ke Jurutaip (D11) adalah seperti di [Lampiran "A1"](#) dan ["A2"](#).

## 5. SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PERKHIDMATAN

5.1 Syarat-syarat Pertukaran Perkhidmatan yang akan digunakan dalam urusan pertukaran perkhidmatan ini adalah seperti yang terkandung di dalam [Lampiran "B"](#) kepada Surat Pekeliling ini.

## 6. PERMOHONAN PERTUKARAN PERKHIDMATAN

6.1 Semua Anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang terlibat adalah dipelawa untuk memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan sepertimana surat pelawaan permohonan di [Lampiran "C"](#). Anggota-anggota yang berkhidmat di Jabatan Pendidikan adalah dibenarkan

---

### mukasurat 2

memohon ditukar lantik ke Perkhidmatan Pendidikan sahaja. Mereka yang ingin dipertimbangkan untuk ditukar lantik perkhidmatan ini adalah dikehendaki mengisi salah satu daripada borang-borang di bawah mana-mana yang bersesuaian:

6.1.1 Bagi pegawai tetap selain Jabatan Pendidikan---[Borang Lampiran "D"](#).

6.1.2 Bagi pegawai sementara selain Jabatan Pendidikan---[Borang Lampiran "D1"](#).

6.1.3 Bagi pegawai kontrak selain Jabatan Pendidikan---[Borang Lampiran "D2"](#).

6.1.4 Bagi pegawai tetap di Jabatan Pendidikan---[Borang Lampiran "D3"](#).

6.1.5 Bagi pegawai sementara di Jabatan Pendidikan---[Borang Lampiran "D4"](#).

6.1.6 Bagi pegawai kontrak di Jabatan Pendidikan---[Borang Lampiran "D5"](#).

6.2 Anggota-anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang terlibat yang tidak bersetuju menerima dan menolak pelawaan ini, mereka adalah dikehendaki supaya mengisi borang seperti di [Lampiran "E"](#).

6.3 Semua Anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang terlibat sama ada yang bersetuju menerima atau menolak pelawaan untuk ditukar lantik adalah diberi tempoh tiga (3) bulan mulai 1 Januari 1989 hingga 31 Mac 1989 untuk mengisi dan mengemukakan borang-borang berkenaan kepada Ketua Jabatan masing-masing. Borang-borang tersebut hendaklah sampai kepada Ketua Jabatan masing-masing sebelum atau selewat-lewatnya pada 1 April 1989.

6.4 Anggota-anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah yang terlibat tetapi tidak bersetuju menerima dan menolak pelawaan atau mereka yang tidak langsung memberi jawapan dalam tempoh yang ditetapkan atau yang tidak tertakluk di bawah urusan ini kerana ditempatkan di Jabatan-jabatan Persekutuan pada atau selepas 1 April 1989, akan perlu ditarik balik oleh Pihak Berkuasa Negeri Sabah untuk ditempatkan semula mengisi jawatan-jawatan kosong di Jabatan-jabatan Negeri.

6.5 Sekiranya Pihak Berkuasa Negeri tidak dapat menempatkan kesemua mereka yang terlibat sepertimana dikehendaki di perenggan 6.4 di atas kerana tidak ada lagi jawatan kosong untuk menampung mereka ini, mereka akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Persekutuan untuk ditempatkan di Jabatan-jabatan Persekutuan yang bersesuaian dibuat secara pinjaman (secondment). Tempoh pinjaman ini akan tertakluk kepada kajian dari masa ke semasa.

## 7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

7.1 Ketua-ketua Jabatan Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk mengedarkan Surat Pekeliling ini kepada semua Anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri yang terlibat yang berkhidmat di Jabatan masing-masing. Mereka juga adalah bertanggungjawab untuk mengumpulkan kembali semua borang yang berkaitan yang telah lengkap diisi oleh anggota-anggota yang berkenaan.

7.2 Ketua-ketua Jabatan juga adalah bertanggungjawab menyerahkan semua borang "setuju terima" beserta penyata butir-butir pegawai seperti di [Lampiran "F"](#) dan perakuan Ketua Jabatan seperti di [Lampiran "G"](#) atau ["G1"](#) mengikut mana yang berkenaan kepada :

Ketua Pegawai Pentadbir,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Urusetia Cawangan Sabah,  
Tingkat 4, Blok "E".  
Kompleks KUWASA,  
49 Jalan Karamunsing,  
88000 Kota Kinabalu.

atau:

Ketua Pegawai Pentadbir,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,  
Malaysia,  
Urusetia Cawangan Sabah,  
Tingkat 4,  
Bangunan Bank Negara,  
Peti Surat 11359,

88815 Kota Kinabalu.

dan satu (1) salinan kepada:

Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Cawangan Sabah,  
Tingkat 6, Blok "E",  
Kompleks KUWASA,  
49 Jalan Karamuning,  
88000 Kota Kinabalu.

7.3 Ketua Jabatan Persekutuan adalah diberikan tempoh satu (1) bulan mulai 1 April 1989 hingga 30 April 1989 untuk mengumpul, memproses borang-borang serta menyediakan maklumat-maklumat yang diperlukan dan mengemukakannya ke pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

## 8. TARIKH KUATKUASA

8.1 Tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan ini adalah pada 1 Mei 1989.

8.2 Pertukaran perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat bahawa anggota-anggota yang terlibat masih berada di dalam Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah bertugas dan mengisi jawatan-jawatan tetap di Jabatan-jabatan

Persekutuan sebelum atau pada 31 Mac 1989 dan permohonan mereka untuk dipertimbangkan ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menurut Perintah,



(DATUK ZAHARI A. RASHID)  
Pengarah Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

*Malaysia.*

*Tarikh: 10 Disember 1988.*

s.k:

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
(Bahagian Perkhidmatan),  
Bangunan Perangsang Segemal,  
Jalan Kampong Atap,  
50510 Kuala Lumpur.

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,  
Malaysia,  
Tingkat 21, 32 & 33,  
Menara Dato' Onn,  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),  
Jalan Tun Ismail,  
50562 Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha,  
Perbendaharaan Malaysia,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jalan Duta,  
50592 Kuala Lumpur.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Jabatan Ketua Menteri,  
Bangunan Yayasan Sabah,  
88502 Kota Kinabalu.

Ketua Pegawai Pentadbir,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Urusetia Sabah,  
Tingkat 4, Blok "E",  
Kompleks KUWASA,  
49 Jalan Karamunsing,  
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Cawangan Sabah,  
Tingkat 6, Blok "E",

Kompleks KUWASA,  
Jalan Karamuning,  
88000 Kota Kinabalu.

Ketua Setiausaha,  
Perbendaharaan Malaysia,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Jalan Duta,  
50592 Kuala Lumpur.

Ketua Audit Negara,  
Pejabat Ketua Audit Negara,  
Jalan Cenderasari,  
50518 Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Pentadbir,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,  
Malaysia,  
Urusetia Cawangan Sabah,  
Tingkat 4, Bangunan Bank Negara,  
Peti Surat 11359,  
88815 Kota Kinabalu.

Akauntan Negara,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Tingkat 1-7 dan Tingkat 13,  
Blok 8, Kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan,  
50594 Kuala Lumpur.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Pengarah-pengarah Bahagian,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

LAMPIRAN "A"  
SPP. 5/1988

JADUAL PERTUKARAN JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN  
GUNASAMA NEGERI KE JAWATAN/SKIM  
PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN

---

<i>Bil.</i>	<i>Jawatan/Skim Perkhidmatan</i>	<i>Jabatan Persekutuan</i>	<i>Jawatan Persekutuan</i>	<i>Nama Skim Perkhidmatan</i>
-------------	--------------------------------------	--------------------------------	--------------------------------	-----------------------------------

---

	<i>Gunasama</i>	<i>Yang Terlibat</i>		<i>Persekutuan</i>
1.	(a) Akauntan Tingkatan Kanan (A11)	Pelbagai Jabatan	Akauntan Tingkatan Kanan (A11)	Pasukan Akauntan
	(b) Akauntan Tingkatan Biasa (A16)	Pelbagai Jabatan	Akauntan Tingkatan Biasa (A16)	Pasukan Akauntan
	(c) Akauntan Tingkatan Biasa (A15)	Pelbagai Jabatan	Akauntan Tingkatan Biasa (A15)(KUP)	Pasukan Akauntan
2.	Pegawai Tadbir Kanan Negeri (A10)	Jabatan Perubatan	P.T.D. Tingkatan Tertinggi "G" (A10)	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
3.	(a) Pegawai Tadbir (A20)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Tadbir Am, Tingkatan Biasa (A20) (KUP)	Pegawai Tadbir Am
	(b) Pegawai Tadbir (A22)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Tadbir Am, Tingkatan Biasa (A22)	Pegawai Tadbir Am
4.	(a) Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Kanan (B03)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Kanan (B03)	Pegawai Kerja Akaun
	(b) Pegawai Kira-kira Tingkatan (B03)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Kanan (B03)	Pegawai Kerja Akaun
	(c) Pegawai Kira-kira Kanan (B03)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Kanan (B03)	Pegawai Kerja Akaun
	(d) Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Biasa (B09)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Biasa (B09)	Pegawai Kerja Akaun
	(e) Pegawai Kira-kira (B09)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Biasa (B09)	Pegawai Kerja Akaun



	(f)	Pegawai Kerja Kira-kira (B09)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Biasa (B09)	Pegawai Kerja Akaun
	(g)	Pembantu Kewangan (B09)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Akaun, Tingkatan Biasa (B09)	Pegawai Kerja Akaun
5.	(a)	Pegawai Kerja Kanan (B04)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja, Tingkatan Kanan (B04)	Pegawai Kerja
	(b)	Pembantu Pentadbir Rendah I (B04)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja, Tingkatan Kanan (B04)	Pegawai Kerja

LAMPIRAN "A"---  
(samb.)  
SPP. 5/1988

JADUAL PERTUKARAN JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN  
GUNASAMA NEGERI KE JAWATAN/SKIM  
PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN---(samb.)

<i>Bil.</i>	<i>Jawatan/Skim Perkhidmatan Gunasama</i>	<i>Jabatan Persekutuan Yang Terlibat</i>	<i>Jawatan Persekutuan</i>	<i>Nama Skim Perkhidmatan Persekutuan</i>
(c)	Pembantu Pentadbir Kanan (B04)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja, Tingkatan Kanan (B04)	Pegawai Kerja
(d)	Pembantu Pentadbir Rendah II (B11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja, Tingkatan Biasa (B11)	Pegawai Kerja
(e)	Pembantu Pentadbir (B11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja, Tingkatan Biasa (B11)	Pegawai Kerja
(f)	Pegawai Tadbir Muda (B11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja Tingkatan Biasa (B11)	Pegawai Kerja

	(g) Pegawai Kerja (B11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerja, Tingkatan Biasa (B11)	Pegawai Kerja
6.	(a) Pemeriksa Kira-kira (B03)	Pelbagai Jabatan	Pemeriksa Kira-kira, Tingkatan Kanan (B03)	Pemeriksa Kira-kira
	(b) Pemeriksa Kira-kira (B09)	Pelbagai Jabatan	Pemeriksa Kira-kira, Tingkatan Biasa (B09)	Pemeriksa Kira-kira
	(c) Pemeriksa Akaun Sekolah (B09)	Pelbagai Jabatan	Pemeriksa Kira-kira Tingkatan Biasa (B09)	Pemeriksa Kira-kira
7.	(a) Bendahari (C03)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani, Tingkatan Kanan (C03)	Pegawai Kerani
	(b) Pegawai Kerani Kanan (C03)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani, Tingkatan Kanan (C03)	Pegawai Kerani
		Jabatan Perangkaan	Pembantu Perangkaan, Tingkatan Kanan (C03)	Pembantu Perangkaan
		Jabatan Pendidikan	Pegawai Kerani, Tingkatan Kanan (Pelajaran)(C03)	Pegawai Kerani
		Jabatan Perubatan	Pegawai Kerani, Tingkatan Kanan (Kesihatan)(C03)	Pegawai Kerani
		Jabatan Polis	Pegawai Kerani, Tingkatan Kanan (Polis)(C03)	Pegawai Kerani

LAMPIRAN "A"---  
(samb.)  
SPP. 5/1988

JADUAL PERTUKARAN JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN  
GUNASAMA NEGERI KE JAWATAN/SKIM  
PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN---(samb.)

<i>Bil.</i>	<i>Jawatan/Skim Perkhidmatan Gunasama</i>	<i>Jabatan Persekutuan Yang Terlibat</i>	<i>Jawatan Persekutuan</i>	<i>Nama Skim Perkhidmatan Persekutuan</i>
		Jabatan Pendaftaran Negara	Pembantu Pentadbiran, Tingkatan Kanan (C03)	Pembantu Pendaftaran
		Jabatan Audit	Pegawai Kerani Audit, Tingkatan Kanan (C03)	Pegawai Kerani Audit
(c)	Kerani PPA (Perkhidmatan Perkeranian Am) (C03)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani, Tingkatan Kanan (C03)	Pegawai Kerani
(d)	Pegawai Kerani (C11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (C11)	Pegawai Kerani
		Jabatan Perangkaan	Pembantu Perangkaan Tingkatan Biasa (C11)	Pembantu Perangkaan.
		Jabatan Pendidikan	Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (Pelajaran)(C11)	Pegawai Kerani
		Jabatan Perubatan	Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (Kesihatan)(C11)	Pegawai Kerani
		Jabatan Polis	Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (Polis)(C11)	Pegawai Kerani
		Jabatan Pendaftaran Negara	Pembantu Pendaftaran Tingkatan Biasa	Pembantu Pendaftaran

(C11)

		Jabatan Audit	Pegawai Kerani Audit Tingkatan Biasa (C11)	Pegawai Kerani Audit
(e)	Kerani Perpustakaan (C11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai kerani Tingkatan Biasa (C11)	Pegawai Kerani
(f)	Kerani Audit/Kira-kira (C11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (C11)	Pegawai Kerani
(g)	Kerani PPA (Perkhidmatan Perkeranian Am) (C11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani Tingkatan Biasa (C11)	Pegawai Kerani

LAMPIRAN "A"---  
(*samb.*)  
SPP. 5/1988

JADUAL PERTUKARAN JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN  
GUNASAMA NEGERI KE JAWATAN/SKIM  
PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN---(*samb.*)

<i>Bil.</i>	<i>Jawatan/Skim Perkhidmatan Gunasama</i>	<i>Jabatan Persekutuan Yang Terlibat</i>	<i>Jawatan Persekutuan</i>	<i>Nama Skim Perkhidmatan Persekutuan</i>
8.	(a) Kerani/Jurutaip (C11)	Jabatan Penyiaran	Kerani/Jurutaip (C11)(KUP)	---
	(b) Kerani/Jurutaip (D11)	Pelbagai Jabatan	Kerani/Jurutaip (D11)(KUP)	---
9.	(a) Pembantu Khas/ Jurutrengkas (C03)	Pelbagai Jabatan	Jurutrengkas Tingkatan Kanan (C03)	Jurutrengkas
		Jabatan Polis	Perekod Tingkatan Biasa (C03)	Perekod

	(b)	Jurutrengkas (C12)	Pelbagai Jabatan	Jurutrengkas Tingkatan Biasa (C12)	Jurutrengkas
			Jabatan Polis	Perekod Tingkatan Biasa (C12)	Perekod
10.	(a)	Pembantu Kerani (D11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani Rendah (D11)	Pegawai Kerani Rendah
	(b)	Pegawai Kerani Rendah (D11)	Pelbagai Jabatan	Pegawai Kerani Rendah (D11)	Pegawai Kerani Rendah
			Jabatan Perangkaan	Pembantu Perangkaan Rendah (D11)	Pembantu Perangkaan Rendah
			Jabatan Pendidikan	Pegawai Kerani Rendah (Pelajaran) (D11)	Pegawai Kerani Rendah
			Jabatan Perubatan	Pegawai Kerani Rendah (Kesihatan) (D11)	Pegawai Kerani Rendah
			Jabatan Polis	Pegawai Kerani Rendah (Polis)(D11)	Pegawai Kerani Rendah
			Jabatan Pendaftaran Negara	Pembantu Pendaftaran Rendah (D11)	Pembantu Pendaftaran Rendah
	(c)	Jurutaip (D11)	Pelbagai Jabatan	Jurutaip (D11)	Jurutaip
	(d)	Jurutrengkas/ Jurutaip (D12)	Pelbagai Jabatan	Jurutaip (D11)	Jurutaip

LAMPIRAN "A1"  
SPP. 5/1988

I. PERKHIDMATAN/JAWATAN

KEMENTERIAN/JABATAN/

AGENSI

Jurutrengkas/Jurutaip

Pelbagai Jabatan Persekutuan  
Sabah

II. TANGGAGAJI SEKARANG

1. Tanggagaji: D12---- \$335/350 x 15-425/440 x 15-470 x 25-495/520 x 25-720

III. TANGGAGAJI BARU

1. Tanggagaji: D11---- \$350 x 15-380/395 x 15-500 x 20-520 x 25-570/620 x 25-720

IV. SIFIR PEMINDAHAN GAJI

1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang

Gaji Baru

\$ sen

\$ sen

335 00

350 00

350 00

365 00

365 00

380 00

380 00

395 00

395 00

410 00

410 00

425 00

425 00

440 00

440 00

455 00

455 00

}

-----

470 00

470 00

485 00

495 00

500 00

520 00

520 00

545 00

545 00

570 00

570 00

-----

595 00

}

620 00

620 00

645 00

645 00

670 00

670 00

695 00

695 00

720 00

720 00

PINDAAN TARIKH KENAIKAN GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI PEMINDAHAN GAJI DARI DUA MATA GAJI DALAM TANGGAGAJI SEKARANG KEPADA SATU MATA GAJI DALAM TANGGAGAJI BARU MULAI **1 MEI, 1989**

*Tarikh Kenaikan  
Gaji Baru*

1. Pegawai-pegawai yang menerima gaji yang tinggi pada:

1 Mei, 1988 kepada 30 Jun, 1988	1 Jun, 1989
1 Julai, 1988 kepada 31 Ogos, 1988	1 Julai, 1989
1 September, 1988 kepada 31 Oktober, 1988	1 Ogos, 1989
1 November, 1988 kepada 31 Disember, 1988	1 September, 1989
1 Januari, 1989 kepada 28 Februari, 1989	1 Oktober, 1989
1 Mac, 1989 kepada 30 April, 1989	1 November, 1989

2. Pegawai-pegawai yang menerima gaji yang rendah pada:



1 Mei, 1988 kepada 30 Jun, 1988

1 Disember, 1989

1 Julai, 1988 kepada 31 Ogos, 1988

1 Januari, 1990

1 September, 1988 kepada 31 Oktober, 1988

1 Februari, 1990

1 November, 1988 kepada 31 Disember, 1988

1 Mac, 1990

1 Januari, 1989 kepada 28 Februari, 1989

1 April, 1990

1 Mac, 1989 kepada 30 April, 1989

1 Mei, 1990

LAMPIRAN "B"  
SPP. 5/1988

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTUKARAN  
PERKHIDMATAN DARI PERKHIDMATAN GUNASAMA  
NEGERI SABAH KE PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN

1. Tafsiran berikut hendaklah dipakai bagi maksud pertukaran perkhidmatan untuk perkataan-perkataan dibawah: *Tafsiran.*
  - 1.1 "*Perkhidmatan Persekutuan*" bermakna Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Perkhidmatan Pendidikan mengikut Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan.
  - 1.2 "*Suruhanjaya Perkhidmatan*" bermakna Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan mengikut mana yang berkenaan.
  - 1.3 "*Anggota Perkhidmatan Awam Negeri*" bermakna pegawai dan kakitangan Negeri Sabah yang di lantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah atau Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah.
2. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang sedang mengisi jawatan-jawatan tetap secara tetap/semntara/kontrak di Jabatan-jabatan Persekutuan dan telah mendapat taraf Warganegara Malaysia adalah layak ditukar lantik ke dalam Perkhidmatan Persekutuan untuk mengisi jawatan-jawatan berkenaan mengikut gred dan taraf hakiki (substantive grade and status) mereka sekarang. Pekerja-pekerja sambilan bergaji hari (daily rated) tidak tertakluk di bawah urusan ini. *Pertukaran Perkhidmatan ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.*
3. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang berkhidmat secara tetap/semntara/kontrak yang telah mendapat taraf Warganegara Malaysia akan diberi pilihan sendiri (opsyen) secara permohonan sama ada bersetuju memilih untuk ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan bagi mengisi jawatan-jawatan tertentu di dalam Perkhidmatan Persekutuan atau tidak. *Pilihan sendiri.*
4. (a) Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang memilih ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan akan diletakkan di dalam skim, jawatan dan tanggagaji yang setanding dengan skim, jawatan dan tanggagaji yang mereka sandang sekarang tertakluk kepada perenggan 7 di bawah. *Perkhidmatan/ Jawatan-jawatan yang akan ditawarkan.*
  - (b) Jika skim, jawatan dan tanggagaji yang setanding tidak terdapat di dalam Perkhidmatan Persekutuan, pegawai-pegawai yang berkenaan akan dikekalkan atas skim, jawatan dan tanggagaji yang diterima sekarang secara Khas Untuk Penyandang di dalam Perkhidmatan Persekutuan.

- Penaklukan di bawah Skim Perkhidmatan.* 5. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam skim-skim Perkhidmatan Persekutuan yang berkenaan itu.
- Gaji dan tarikh kenaikan gaji.* 6. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan akan menerima gaji akhir yang mereka terima dalam Perkhidmatan Awam Negeri pada tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan. Dalam keadaan di mana tiada terdapat matagaji (salary point) yang sama, maka mereka akan diberi matagaji yang lebih tinggi yang terdekat (nearest salary point) dalam tanggagaji berkenaan. Tarikh kenaikan gaji tahunan mereka tidak berubah kecuali dalam keadaan yang mana dua atau lebih matagaji berpindah ke satu matagaji.
- Elaun dan kemudahan Perkhidmatan.* 7. (a) Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang berkhidmat secara tetap/sementara/kontrak di dalam Perkhidmatan Awam Negeri yang sedang menikmati elaun dan kemudahan sebelum tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan ke Perkhidmatan Persekutuan akan terus dibenarkan menikmati elaun dan kemudahan tersebut secara Khas Untuk Penyandang mengikut syarat dan peraturan perkhidmatan yang telah berkuatkuasa sebelum tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan. Sebarang pindaan yang menyentuh elaun dan kemudahan yang dinikmati itu yang dibuat oleh Pihak Berkuasa dalam perkhidmatan asal (Pihak Berkuasa Negeri) selepas tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan ini adalah tidak akan melibatkan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang telah bertukar ke Perkhidmatan Persekutuan itu.
- (b) Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang telah ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah tertakluk sepenuhnya kepada semua peraturan dan syarat Perkhidmatan Persekutuan kecuali elaun dan kemudahan yang dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang, jika ada.
- Pinjaman Perumahan.* (c) Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang telah diluluskan pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Sabah sebelum tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan akan terus menikmati kemudahan tersebut secara Khas Untuk Penyandang. Bagi mereka yang belum diluluskan pinjaman perumahan sebelum tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat pinjaman Perumahan Persekutuan sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.
- Pegawai-Pegawai yang telah disahkan dalam Perkhidmatan.* 8. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang telah disahkan dalam perkhidmatan mereka sebelum tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan adalah dianggap sebagai telah disahkan dalam Perkhidmatan Persekutuan dan tidak dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan. Bagi tujuan kenaikan gaji dan kemajuan kerjaya dalam Perkhidmatan Persekutuan seterusnya, mereka adalah tertakluk dengan semua syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan dalam Perkhidmatan Persekutuan.

9. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang belum lagi disahkan dalam perkhidmatan asalnya pada tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan tetapi:
- Pegawai-pegawai yang belum disahkan dalam Perkhidmatan.*
- (a) telah menamatkan tempoh percubaan seperti yang disyaratkan dalam perkhidmatan asalnya serta diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan yang baru (Kementerian/Jabatan Persekutuan) adalah layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam Perkhidmatan Persekutuan;
- atau,*
- (b) belum menyempurnakan tempoh percubaan dengan sepenuhnya dan belum memenuhi syarat-syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan asalnya adalah dikehendaki terus berkhidmat dalam baki tempoh percubaan mereka. Mereka juga dikehendaki memenuhi syarat-syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan mereka di dalam Perkhidmatan Persekutuan sebelum layak dipertimbangkan untuk disahkan. Walau bagaimana pun sebarang peperiksaan yang mereka lulus dalam perkhidmatan asalnya yang dianggap setanding/setaraf adalah dikecualikan daripada mengambil peperiksaan yang setanding/setaraf dalam Perkhidmatan Persekutuan.
10. Tertakluk kepada perenggan 4 (i) [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1978](#), kedudukan kekananan anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang berkhidmat secara tetap yang ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah dikira daripada tarikh mereka dilantik atau dinaikkan pangkat ke jawatan asal mereka di dalam Perkhidmatan Awam Negeri. Jika tarikh kekananan adalah sama maka faktor umur diambil kira iaitu yang lebih tua adalah dikira lebih kanan.
- Penentuan kekananan.*
11. (a) Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang berkhidmat secara tetap yang dilantik ke dalam perjawatan tetap dan juga telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum diberikan taraf berpencen semasa ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah dikehendaki mengenakan tempoh perkhidmatan selama tidak kurang daripada 10 tahun dan adalah dikehendaki terus membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga mereka layak diberikan taraf berpencen.
- Kemasukan ke dalam Perkhidmatan Berpencen.*
- (b) Tempoh perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebelum ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan boleh diambil kira bagi maksud perkiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan-peraturan pencen yang berkuatkuasa.
12. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah diletakkan atas taraf berpencen sebelum ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah kekal taraf berpencen dalam Perkhidmatan Persekutuan.
- Perkhidmatan bagi maksud faedah persaraan.*

- Pertukaran sewaktu berkhidmat didalam Perkhidmatan Persekutuan.* 13. Mulai tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah tertakluk kepada semua arahan Ketua Perkhidmatan Persekutuan. Mereka juga boleh diarah untuk berkhidmat di mana-mana tempat bertugas oleh Ketua Perkhidmatan Persekutuan kecuali mereka yang tertakluk di bawah perenggan 3.1. (a) Surat Pekeliling Persekutuan Bil. 7/1985.
- Mematuhi peraturan-peraturan dan lain-lain.* 14. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah tertakluk kepada semua bentuk arahan dan peraturan perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa dan yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Persekutuan.
- Pemeriksaan Doktor dikecualikan.* 15. Anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah dikecualikan daripada pemeriksaan doktor dan lain-lain peraturan seperti yang dikenakan kepada calon-calon lantikan baharu sekiranya ia telahpun dilaksanakan semasa dilantik memasuki Perkhidmatan Awam Negeri.
- Tarikh kuatkuasa pertukaran Perkhidmatan.* 16. Pertukaran Anggota Perkhidmatan Awam Negeri ke Perkhidmatan Persekutuan akan berkuatkuasa pada 1 Mei 1989 dengan syarat mereka berada dalam Perkhidmatan Awam Negeri dan sedang mengisi jawatan-jawatan tetap di Jabatan Persekutuan sebelum atau pada 31 Mac, 1989 dan permohonan mereka diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Persekutuan yang berkenaan.
-

LAMPIRAN "C"  
SPP. 5/1988

JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Kit. 5/(11)  
Tarikh: 10 Disember, 1988

Semua Pegawai/Kakitangan Gunasama  
Negeri Sabah Yang Berkenaan.

Tuan,

PERMOHONAN PERTUKARAN PERKHIDMATAN DARI  
PERKHIDMATAN GUNASAMA NEGERI SABAH KE  
PERKHIDMATAN PERSEKUTUAN.

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988 bertarikh 10 Disember, 1988.

2. Sukacita dimaklumkan selaras dengan persetujuan yang dicapai diantara Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sabah pada 15 September 1988, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju mempelawa tuan/puan memohon untuk dipertimbangkan ditukar lantik dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan mengikut tatacara dan kaedah serta syarat-syarat dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988.

3. Tuan/Puan yang mahu dipertimbangkan ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan adalah dikehendaki mengemukakan permohonan seperti dibawah:

(a) Anggota-anggota yang sedang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan selain daripada Jabatan Pendidikan dikehendaki mengisi borang permohonan di [Lampiran "D"](#) atau ["D1"](#) atau ["D2"](#) mengikut taraf perlantikan mereka oleh pihak Negeri; dan

(b) Anggota yang sedang berkhidmat di Jabatan Pendidikan dikehendaki mengisi borang permohonan di [Lampiran "D3"](#) atau ["D4"](#) atau ["D5"](#) mengikut taraf perlantikan mereka oleh pihak Negeri.

4. Tuan/Puan adalah diberikan masa selama tiga (3) bulan bermula dari 1 Januari 1989 hingga 31 Mac 1989 untuk mengemukakan permohonan dan dikehendaki sampai kepada Ketua Jabatan masing-masing selewat-lewatnya pada 1 April 1989. Sekiranya permohonan tuan/puan tidak dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan, tuan/puan dianggap tidak bersetuju dipertimbangkan untuk ditukar lantik ke Perkhidmatan Persekutuan.

5. Tarikh kuatkuasa pertukaran perkhidmatan ini ialah 1 Mei 1989.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya Yang Menurut Perintah,

(KASSIM BIN MOHD. DENI),  
*Bahagian Perjawatan,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

LAMPIRAN "D"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

**BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KE PERKHIDMATAN  
AWAM AM PERSEKUTUAN**  
(Bagi Pegawai Tetap)

Nama

.....

.....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh

.....

.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan  
Yang Berkenaan)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....



.....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama  
Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya bersetuju untuk ditukar lantik secara tetap daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan berkuatkuasa mulai dari 1 Mei 1989 mengikut peruntukan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

3. Oleh yang demikian saya dengan ini memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik secara tetap dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke

Perkhidmatan Awam Am Persekutuan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

4. Saya sesungguhnya mengetahui segala implikasi ekoran keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama  
.....  
(Huruf Besar)

Alamat Pejabat  
.....  
(Cop Jabatan)

.....  
.....

Tandatangan  
.....

Tarikh  
.....

CATATAN:  
Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.

LAMPIRAN "D1"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

**BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KE PERKHIDMATAN  
AWAM AM PERSEKUTUAN  
(Bagi Pegawai Sementara)**

Nama

.....

.....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh

.....

.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan  
Yang Berkenaan)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama  
Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya bersetuju untuk ditukar lantik secara sementara daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan berkuatkuasa mulai dari 1 Mei 1989 mengikut peruntukan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

---

3. Oleh yang demikian saya dengan ini memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik secara sementara dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

4. Saya sesungguhnya mengetahui segala implikasi ekoran keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,

.....

*(Tandatangan Pemohon)*

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama

.....

*(Huruf Besar)*

Alamat Pejabat

.....

*(Cop Jabatan)*

.....

.....

Tandatangan

.....

*Tarikh*

.....

CATATAN:

Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.

LAMPIRAN "D2"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

**BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KE PERKHIDMATAN  
AWAM AM PERSEKUTUAN  
(Bagi Pegawai Kontrak)**

Nama

.....

....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....

.....

.....

.....

Tarikh

.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan  
Yang Berkenaan)

.....

....

.....

....

.....

....

.....

....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama  
Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya bersetuju untuk ditukar lantik secara kontrak daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kepada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan berkuatkuasa mulai dari 1 Mei 1989 mengikut peruntukan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

3. Oleh yang demikian saya dengan ini memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik secara kontrak dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

4. Saya sesungguhnya mengetahui segala implikasi ekoran keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama

.....  
(Huruf Besar)

Alamat Pejabat

.....  
(Cop Jabatan)

.....  
Tandatangan

.....  
Tarikh

CATATAN:

Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.



LAMPIRAN "D3"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KE PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN  
(Bagi Pegawai Tetap)

Nama

.....

.....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh

.....

.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan  
Yang Berkenaan)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama  
Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya bersetuju untuk ditukar lantik secara tetap daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kepada Perkhidmatan Pendidikan berkuatkuasa mulai dari 1 Mei 1989 mengikut peraturan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

3. Oleh yang demikian saya dengan ini memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik secara tetap dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Pendidikan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

4. Saya sesungguhnya mengetahui segala implikasi ekoran keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama  
.....  
(Huruf Besar)

Alamat Pejabat  
.....  
(Cop Jabatan)

.....  
.....

Tandatangan  
.....

Tarikh  
.....

CATATAN:  
Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.

LAMPIRAN "D4"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KE PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN  
(Bagi Pegawai Sementara)

Nama

.....

.....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh

.....

.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan  
Yang Berkenaan)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama  
Negeri  
Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya bersetuju untuk ditukar lantik secara sementara daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kepada Perkhidmatan Pendidikan berkuatkuasa mulai dari 1 Mei 1989 mengikut peraturan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

3. Oleh yang demikian saya dengan ini memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik secara sementara dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Pendidikan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

4. Saya sesungguhnya mengetahui segala implikasi ekoran keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,

.....

*(Tandatangan Pemohon)*

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama

.....  
*(Huruf Besar)*

Alamat Pejabat

.....  
(Cop Jabatan)

.....

.....

Tandatangan

.....

*Tarikh*

.....

CATATAN:

Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.

LAMPIRAN "D5"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

**BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KE PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN  
(Bagi Pegawai Kontrak)**

Nama

.....

.....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh

.....

.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan  
Yang Berkenaan)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama  
Negeri  
Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya bersetuju untuk ditukar lantik secara *kontrak* daripada Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kepada Perkhidmatan Pendidikan berkuatkuasa mulai dari 1 Mei 1989 mengikut peruntukan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

3. Oleh yang demikian saya dengan ini memohon supaya dipertimbangkan untuk ditukar lantik secara *kontrak* dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Pendidikan oleh Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan yang berkenaan.

4. Saya sesungguhnya mengetahui segala implikasi ekoran keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,



.....

*(Tandatangan Pemohon)*

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama

.....  
*(Huruf Besar)*

Alamat Pejabat

.....  
(Cop Jabatan)

.....

.....

Tandatangan

.....

*Tarikh*

.....

CATATAN:

Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.

LAMPIRAN "E"  
SPP. 5/1988

Rujukan Kami:

BORANG PENOLAKAN TAWARAN PERTUKARAN PERKHIDMATAN

Nama

.....  
.....

*(Huruf Besar)*

Alamat

.....  
.....

.....  
.....

.....  
.....

.....  
.....

Tarikh

.....  
.....

(Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan)

.....  
.....

.....  
.....

.....  
.....

.....  
.....

Melalui dan Salinan

Ketua Jabatan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

**Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Perkhidmatan Gunasama Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan**

Surat JPA. (S) 277/3/5/(PERJ)/Klt. 5/(11) bertarikh 10 Disember, 1988 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Saya tidak bersetuju dan menolak tawaran Kerajaan Persekutuan untuk dipertimbangkan bagi ditukar lantik dari Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke Perkhidmatan Persekutuan mengikut peruntukan dan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan seperti dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1988**.

3. Saya sesungguhnya memahami segala implikasi keputusan yang saya buat ini. Keputusan yang saya ambil ini adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

Sekian.

Yang benar,

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Saksi: (Ketua Jabatan/Ketua Pejabat)

Nama  
.....

*(Huruf Besar)*

Alamat Pejabat

.....

(Cop Jabatan)

.....

.....

Tandatangan

.....

*Tarikh*

.....

CATATAN:

Hendaklah diisi dalam lima (5) salinan.

BUTIR-BUTIR PEGAWAI

1. Nama.....J  
Jantina: \*Lelaki/Perempuan.  
(Huruf Besar)
2. No. Kad Pengenalan.....  
Warna.....
3. Kewargaanegara.....No. Sijil  
Warganegara.....
4. Tarikh Lahir  
.....  
.....
5. Jawatan Hakiki dan Kumpulan  
.....
6. Tarikh dilantik ke Perkhidmatan Kerajaan  
.....
7. Tarikh dilantik ke Jawatan Sekarang  
.....
8. Tarikh disahkan Dalam Perkhidmatan  
Sekarang.....
9. Telah/belum Diletakkan Ke Taraf Perjawatan Berpencen: \*Telah/Belum.
10. Tarikh Diletakkan Ke Dalam Perjawatan Berpencen  
.....
11. Kod Gaji dan Tanggagaji  
.....  
.....

1 Gaji Sekarang  
2. ....  
.....

1 Tarikh Kenaikan Gaji  
3. ....  
.....

1 Kelulusan  
4. Akademik/Iktisas.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

1 Kementerian/Jabatan  
5. ....  
.....

1 Alamat Tempat Bertugas  
6. ....  
...  
.....  
.....

*Disediakan Oleh:*

*Disahkan Oleh:*

Tandatangan.....  
.....

Tandatangan.....  
.....

Nama  
.....  
.....  
*(Huruf Besar)*

Nama.....  
.....  
*(Huruf Besar)*

Jawatan  
.....  
.....

Pangkat  
.....  
.....

Tarikh

.....  
.....

Jabatan

.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh

.....  
.....

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

CATATAN:

Hendaklah dikemukakan dalam **tiga (3)**  
**salinan.**

LAMPIRAN "G"  
SPP. 5/1988

**(SULIT)**

PERAKUAN KETUA JABATAN

(Bagi anggota ditukar lantik ke Perkhidmatan Awam Am  
Persekutuan)

Saya mengesahkan bahawa

\*Encik/Puan/Cik.....

.....\*ada/tidak  
ada tindakan tatatertib yang \*diambil/sedang dicadangkan akan diambil terhadapnya.

*Disahkan Oleh:*

Tandatangan.....  
(Ketua Jabatan)

Nama.....  
(Huruf Besar)

Pangkat .....

Jabatan .....

Tarikh .....

\* Potong mana yang tidak  
berkenaan.



CATATAN:

1. Hendaklah dikemukakan dalam **tiga (3) salinan**.
2. Sila sertakan satu salinan Laporan Sulit Khas dan Penyata Perkhidmatan yang kemaskini anggota terlibat.

LAMPIRAN "G1"  
SPP. 5/1988

**(SULIT)**

PERAKUAN KETUA JABATAN

(Bagi anggota ditukar lantik ke Perkhidmatan Pendidikan)

Saya mengesahkan bahawa

\*Encik/Puan/Cik.....

.....\*ada/tidak  
ada tindakan tatatertib yang \*diambil/sedang dicadangkan akan diambil terhadapnya.

*Disahkan Oleh:*

Tandatangan.....  
.....

Nama.....  
.....  
(Huruf Besar)

Pangkat  
.....  
.....

Pejabat/Maktab/Sekolah:  
.....  
.....

Tarikh

.....  
.....

**Ulasan Pengarah Pendidikan:**

Perakuan di atas adalah \*disahkan/tidak disahkan.

.....  
.....  
.....  
.....

.....  
*Pengarah Pendidikan*  
*Sabah*

*Tarikh* .....

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

**CATATAN:**

1. Hendaklah dikemukakan dalam **tiga (3) salinan**.
2. Sila sertakan satu salinan Laporan Sulit Khas dan Penyata Perkhidmatan yang kemaskini anggota terlibat.